

Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Fathi Adnan, ^{a,*}, Azlan Abdul Latib, ^b Shahrin Hashim, ^b Noor Syafafwati Mamat, ^b

^a Sekolah Menengah Kangkar Pulai, 81300 Kangkar Pulai, Johor

^b Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

*Corresponding author : marfathi@utm.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap kemahiran insaniah pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 131 orang pelajar yang menyertai kursus UTM dan Khidmat Komuniti pada sesi 2011/2012/2 telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik yang mengandungi 50 item yang menggunakan skala Likert 5-mata. Data diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 15.0*. Analisis data dinyatakan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min. Hasil daripada penyelidikan menunjukkan tahap impak yang diberikan oleh kursus UTM dan Khidmat Komuniti adalah tinggi bagi setiap elemen kemahiran insaniah yang dikaji dengan elemen etika dan moral profesional adalah paling dominan. Untuk memantapkan lagi tahap kemahiran insaniah pelajar, dicadangkan agar pihak universiti melaksanakan kursus ini sebagai syarat pengijazahan dan menjadikannya kursus wajib bagi setiap pelajar.

Kata kunci: Kursus UTM dan khidmat komuniti, penglibatan untuk masyarakat, kemahiran insaniah, etika dan moral profesional, pembelajaran perkhidmatan, pembelajaran aktif

PENGENALAN

Sistem pendidikan negara memainkan peranan yang penting dalam membina masyarakat khususnya dalam menjadikan Malaysia sebuah negara industri berasaskan maklumat dan dipertanggungjawabkan dalam memperkenalkan konsep pekerjaan kepada pelajar (Robiah, 1998). Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam empat domain utama iaitu kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif dan sosial. Namun, dalam sistem pendidikan yang diamalkan, tumpuan kepada kemahiran kognitif dan psikomotor terlalu diutamakan. Justeru, fokus kepada domain afektif dan sosial yang sangat perlu bagi pembentukan insan kamil yang seimbang sangat jauh ketinggalan. Akibatnya, produk sistem pendidikan kini ataupun modal insan yang dibentuk tidak seimbang seperti yang dihasratkan.


LATAR BELAKANG MASALAH

Pandangan umum sering merujuk kegagalan mahasiswa mendapat kerja disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan. Hal ini kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dari pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik yang cemerlang, graduan perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis serta etika dan nilai integriti (Hanum *et al.*, 2008). Menurut Ho (2006), semasa proses pengambilan pekerja, kebanyakan majikan cenderung untuk memilih pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran tambahan selain kemahiran dalam bidang mereka. Kemahiran dalam bidang pekerjaan mereka boleh dipelajari dan dilatih, tetapi kemahiran insaniah sukar untuk diperolehi. Dalam jangka masa yang panjang, pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi memberikan banyak sumbangan kepada pihak majikan dan industri. Si (2006) pula mengatakan ramai orang akan memenuhi pasaran kerja tetapi majikan mengalami masalah dalam mencari pekerja yang sesuai disebabkan kekurangan kemahiran insaniah dalam diri mereka. Adalah menjadi tanggungjawab bagi orang yang sedang mencari pekerjaan untuk memantapkan dan melatih diri dengan kemahiran insaniah. Apabila ramai orang mempunyai kelayakan yang sama, faktor-faktor tambahan seperti ini akan menjadi kayu pengukur bagi majikan memilih pekerjanya.

Kemahiran insaniah ini boleh dikuasai oleh mahasiswa melalui beberapa cara. Secara umumnya terdapat dua cara yang membolehkan mahasiswa menguasai kemahiran insaniah iaitu melalui pembelajaran secara langsung dan

secara tidak langsung. Pembelajaran secara langsung bermaksud mahasiswa diterapkan dengan kemahiran insaniah dalam silibus kurikulum manakala pembelajaran secara tidak langsung dapat difahami dengan penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut melalui aktiviti di luar bilik kuliah. Rata-rata universiti telah menerapkan unsur-unsur kemahiran insaniah dalam silibus pengajaran dan pembelajaran seperti perbincangan, perbentangan, projek dan lain-lain. Akan tetapi melihat kepada masalah pengangguran yang berlaku pada hari ini menunjukkan penerapan dan impak yang diberikan ke atas pelajar masih tidak mencukupi untuk mereka bersaing di bidang industri.

Terdapat pelbagai kerangka model pembangunan dan pendekatan yang boleh digunakan oleh IPT dalam usaha membangunkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Tetapi kesemua IPT dicadangkan supaya menerima guna kerangka model pembangunan di dalam Rajah 1 untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan kemahiran insaniah di kalangan pelajar.



Rajah 1 : Modul Pembangunan KI dalam Kalangan Pelajar IPT

Oleh itu, IPT sebagai institusi pendidikan tertinggi harus menjadi tempat yang paling sesuai untuk menggilap kemahiran insaniah pelajar. Aktiviti kokurikulum dilihat sebagai jalan alternatif untuk menerapkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar IPT melalui program sokongan berfokuskan akademik dan bukan akademik. Tidak dinafikan pelajar IPT telah mengikuti matapelajaran kokurikulum sejak di peringkat persekolahan di mana setiap pelajar perlu mengambil tiga komponen aktiviti iaitu badan beruniform, sukan dan kelab, serta persatuan. Seterusnya di IPT, pelajar masih perlu meneruskan aktiviti ini dalam membangunkan kemahiran insaniah mereka sebagai usaha menyediakan pelajar ke alam pekerjaan dengan lengkap. Universiti Teknologi Malaysia(UTM) dengan usahasama Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum (CGCC) telah mengambil langkah untuk memantapkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar dengan mengadakan program bersifat *community engagement* yang bukan bersifat akademik iaitu kursus **UTM dan Khidmat Komuniti**.

UTM DAN KHIDMAT KOMUNITI

Kursus UTM dan Khidmat Komuniti diperkenalkan sebagai sumbangan universiti kepada masyarakat sekeliling menerusi penglibatan staf dan pelajar dengan menggunakan kepakaran, kemahiran dan kemudahan yang terdapat di universiti untuk fardah masyarakat. UTM telah memperkenalkan kursus UTM dan Khidmat Komuniti dengan kaedah pelaksanaan kursus yang berstruktur dan berkredit serta menampilkan strategi pengajaran dan pembelajaran secara aktif (*active learning*) yang boleh meningkatkan kualiti pelajar UTM. Kursus dan program yang dilaksanakan mencakupi pelbagai aspek seperti pembangunan sosial, kesihatan, keusahawanan, pendidikan dan pemindahan teknologi yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat. CGCC yang diberikan mandat oleh UTM untuk merancang dan menguruskan kursus ini telah menggunakan pendekatan pengukuhan antara pelajar dan masyarakat. Menerusi kursus ini, kedua-dua pihak iaitu pelajar dan masyarakat memperoleh manfaat dan

kepentingan masing-masing melalui situasi menang-menang. Pelajar dapat menyumbang kepada masyarakat dengan mengadaptasi dan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik kuliah bagi menyelesaikan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Kursus UTM dan Khidmat Komuniti ini dijalankan dalam suatu jangka masa yang panjang iaitu minimum tiga bulan atau 1 semester pengajian. Sebelum menjalankan praktikal iaitu kerja lapangan, pelajar perlu membuat kajian tentang permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat yang hendak dibantu. Penyelidikan dibuat untuk mengetahui punca-punca yang menyebabkan permasalahan itu berlaku. Seterusnya, teori-teori dibina untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang dikaji. Setelah itu, barulah pelajar akan menjalankan kerja lapangan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Walaupun pelajar hanya mengambil kursus ini dalam satu semester sahaja, projek yang dijalankan akan diteruskan oleh pelajar-pelajar lain yang mengikuti kursus ini pada semester berikutnya. Sumbangan secara berterusan membolehkan pelajar dan masyarakat memperoleh faedah secara langsung.

Konsep kursus UTM dan Khidmat Komuniti terbahagi kepada tiga iaitu: 1) pengukuhan personaliti, 2) perkembangan institusi, dan 3) pengukuhan komuniti. Melalui kursus ini, pelajar diberi pendedahan tentang keperluan yang diperlukan untuk memasuki dunia pekerjaan. Keperluan ini termasuklah kemahiran insaniah yang mungkin sukar diperolehi melalui proses pembelajaran biasa. Ia juga adalah untuk membudayakan pelajar dengan jati diri dan nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, prihatin, kasih sayang dan sebagainya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap kemahiran insaniah pelajar UTM yang terlibat. Secara khususnya, kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i) mengenalpasti impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap kemahiran insaniah pelajar UTM.
- ii) mengenalpasti komponen kemahiran insaniah yang paling dominan dalam mempengaruhi pelajar selepas mengikuti kursus UTM dan Khidmat Komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif berbentuk tinjauan yang diolah untuk mendapatkan maklum balas dengan menggunakan set soal selidik. Pendekatan kuantitatif digunakan supaya pengumpulan dan penganalisan data statistik dapat dilaksanakan secara saintifik. Dengan ini penganalisan masalah yang dikaji dapat dibuat dengan cepat dan tepat. Tambahan pula data kuantitatif merupakan data yang sistematik, piawai, mudah dianalisis dan dapat dikemukakan dalam jangka masa yang pendek (Mohd Najib, 2003).

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar UTM yang mengikuti kursus UTM dan Khidmat Komuniti di bawah seliaan CGCC. Untuk memastikan sampel adalah mewakili populasi, kaedah persampelan rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 131 orang pelajar yang telah mengikuti kursus UTM dan Khidmat Komuniti telah terpilih dalam kajian ini.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi tujuan mendapatkan maklum balas daripada sampel. Dalam kajian ini, pengkaji membina sendiri soal selidik terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B yang mengandungi 50 item. Pengukuran dan penilaian item dilakukan menggunakan Skala Likert Lima Mata bagi memudahkan responden membuat pilihan yang tepat terhadap setiap persoalan yang dikemukakan.

Data yang diperolehi dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 15.0*. Semua item pada Bahagian A dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Manakala data pada Bahagian B dianalisis menggunakan skor kekerapan, peratusan dan min iaitu secara pengiraan statistik deskriptif. Untuk mengenalpasti tahap taburan responden bagi impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap komponen-komponen kemahiran insaniah, analisis markat min digunakan yang mana ia dikelaskan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Rujukan markat min boleh dilakukan dengan mudah dan tepat dengan menggunakan dua tempat perpuluhan dalam analisis markat skor. Jadual 1 menunjukkan panduan mendiskripsi min markat responden berdasarkan Azizi *et al.*, (2007).

Jadual 1 Tahap Penilaian Berdasarkan Min

Markat Min	Petanda Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

ANALISIS DATA

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, analisis dilakukan untuk mengenalpasti impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap kemahiran insaniah pelajar UTM. Dalam bahagian B ini sebanyak 50 item telah dikemukakan kepada responden yang dibahagikan kepada lima komponen kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan. Setiap soalan diberi lima pilihan jawapan mengikut skala Likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Bagi memudahkan penjelasan, ringkasan analisis ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2 : Analisis Impak Kemahiran Insaniah

Komponen Kemahiran Insaniah	Nilai Min
Kemahiran Berkomunikasi	3.918
Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	3.929
Kemahiran Kerja Berpasukan	3.958
Etika dan Moral Profesional	4.039
Kemahiran Kepimpinan	3.837

Daripada Jadual 2 didapati bahawa kesemua komponen yang dikaji mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu di tahap impak tinggi. Daripada nilai min yang dikira, didapati bahawa komponen etika dan moral profesional mempunyai nilai yang paling tinggi iaitu 0.039. Ia diikuti oleh kemahiran kerja berpasukan 3.958, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah 3.929 dan kemahiran berkomunikasi 3.918. Kemahiran kepimpinan didapati berada di kedudukan terbawah dengan min 3.837. Ini menunjukkan bahawa komponen etika dan moral profesional paling dominan dalam mempengaruhi pelajar selepas mengikuti kursus UTM dan Khidmat Komuniti. Kemahiran-kemahiran lain yang dikaji turut menunjukkan tahap min yang tinggi.

PERBINCANGAN

Kajian menunjukkan kursus UTM dan Khidmat Komuniti sebagai salah satu kursus ko-kurikulum pilihan yang ditawarkan di UTM telah memberikan impak yang positif kepada kemahiran insaniah pelajar. Dalam kursus ini pelajar diberikan pelbagai pendedahan secara langsung dan tidak langsung selain tanggung jawab khusus seperti kerja lapangan untuk mereka laksanakan. Pelajar menggunakan pelbagai pendekatan pembelajaran bagi menjayakan aktiviti khidmat komuniti yang dirancang dalam UTM dan Khidmat Komuniti seperti perbincangan, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan scenario dan pembelaran experiential. Selain itu, pelbagai bentuk tugas dilakukan pelajar untuk memastikan kejayaan program sama ada dalam kumpulan besar mahupun kumpulan kecil. Proses ini secara tidak langsung membentuk dan meningkatkan tahap kemahiran insaniah pelajar. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Rohanida dan Mohd Sofian (2002) yang mendapati bahawa aktiviti kokurikulum memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran insaniah individu. Tambah beliau lagi, aktiviti kokurikulum lebih sesuai dalam menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari segi aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Abd. Rahim *et. al.* (2007) di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) juga mendapati bahawa program khidmat komuniti yang dijalankan banyak memberi manfaat kepada pelajar termasuk menambah kemahiran kerja berpasukan. Perkara ini juga disokong oleh Syarifah Meriam Syed Akil (2007) yang menyatakan bahawa melalui aktiviti ko-kurikulum, pelajar dari pelbagai kaum, bangsa dan agama dapat bersatu dan saling membantu antara satu sama lain dalam menjalankan aktiviti secara bersama. Pengkaji berpendapat bahawa apabila pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum seperti kursus UTM dan Khidmat Komuniti ini, ia secara tidak langsung mewujudkan ikatan yang baik antara ahli seterusnya dapat membantu mereka menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih baik.

Dalam kursus ini setiap pelajar mempunyai peranan dan tugas masing-masing. Walaupun tidak kesemua pelajar menjadi ketua, tetapi tugas yang diberikan sepanjang kursus secara tidak langsung dapat membentuk asas kepimpinan dalam diri setiap pelajar. Matthews (2000) mengatakan bahawa menerusi ko-kurikulum pelajar dapat membangunkan potensi diri mereka dan Omdardin Ashaari (1999) berpendapat aspek kepimpinan akan wujud di kalangan mereka yang memegang jawatan dalam persatuan.

Komponen etika dan moral profesional mencatat min paling tinggi. Komponen ini merupakan antara komponen yang paling sukar untuk diterapkan dalam pembelajaran pelajar khususnya dalam pembelajaran secara teori. Dalam UTM dan Khidmat Komuniti, komponen ini berjaya memberikan impak yang sangat besar kepada pelajar. Selain meningkatkan potensi dan kemahiran pelajar, kursus ini juga membawa perubahan yang positif terhadap kesedaran

sosial pelajar. Semasa mengikuti program lapangan UTM dan Khidmat Komuniti, pelajar melihat sendiri gaya dan ragam kehidupan masyarakat dan masalah-masalah yang dihadapi. Mereka akan berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian bagi membantu masyarakat dalam mengatasi permasalahan tersebut. Hal ini akan dapat memberikan pelajar untuk merasai sendiri kesusahan masyarakat dan sekaligus memberikan kesedaran yang tinggi kepada mereka yang sebelum ini mungkin tidak pernah mengalami keadaan sedemikian. Perkara ini turut disokong oleh Jacoby (2002) yang berpendapat bahawa melalui aktiviti khidmat komuniti yang berkesan, pelajar akan dapat memenuhi keperluan masyarakat sekaligus menghayati nilai positif menerusi refleksi yang dijalankan.

KESIMPULAN

Institut pengajian tinggi (IPT) memainkan peranan penting untuk menyediakan pelajar dengan segala nilai tambah yang dinamakan kemahiran insaniah. Pengajaran dalam bilik kuliah sahaja ternyata tidak memberikan kesan yang mendalam terhadap peningkatan kemahiran insaniah seseorang pelajar. Oleh itu pihak IPT diseru agar menggunakan pendekatan khidmat komuniti yang terancang dan lebih berstruktur dalam usaha meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar.

Dalam konteks ini, kursus UTM dan Khidmat Komuniti yang telah dilaksanakan di UTM jelas dapat membantu membangunkan kemahiran insaniah yang amat diperlukan terutama apabila tamat pengajian kelak. Kursus ini juga diperkenalkan sebagai sumbangan universiti kepada masyarakat sekeliling menerusi penglibatan staf dan pelajar dengan menyalurkan kepakaran, penggunaan kemudahan dan peralatan yang terdapat di universiti kepada masyarakat. Menerusi kursus ini, pelajar menyumbang kepada masyarakat dengan mengadaptasi dan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di bilik kuliah bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat. Projek yang dijalani sepanjang kursus berlangsung berjaya menanamkan unsur-unsur kemahiran insaniah kepada pelajar. Secara keseluruhannya, melalui kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati kursus UTM dan Khidmat Komuniti ini berjaya mencapai matlamatnya dalam menanam dan menerapkan kemahiran insaniah kepada pelajar. Kesemua komponen kemahiran insaniah yang dikaji didapati memberikan impak yang tinggi kepada pelajar yang menyertainya terutama komponen etika dan moral profesional. Kursus ini bukan sahaja memberikan impak kepada aspek kognitif pelajar, malah aspek afektif dan sosial turut terkesan di mana melalui kursus ini dapat menyumbang kepada masyarakat sekaligus memberikan tanggapan yang positif di kalangan masyarakat.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Ramli, Ariza Ibrahim, Mohd Noor Che A. Rahman dan Azizah Endut. *Program Ketrampilan Graduan Untuk Pelajar Universiti Darul Iman Malaysia* (2007). Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007, 12-14 Disember 2007 Hotel Palace of The Golden Houses, Seri Kembangan, Selangor.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Astin, A. W., Vogelgesang, L. J., Ikeda E. K. and Yee, J. A. (2000). *How Service Learning Affects Students*. University of California.
- Hanum Hassan, Razli Ahmad dan Azuddin Bahari (2008). *Kemahiran Insaniah dan Kepentingan Penerapannya dalam Program Baktisiswa Perdana UniMAP*. Universiti Malaysia Perlis.
- Ho Lai Ping, Joan (2006, Dec 13). *High Demand for Job-Seekers with Soft Skills*. New Straits Times. The New Straits Times Press (M) Berhad.
- Jacoby, B. (2002). *Building Partnership for Service Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). *Modul Pembangunan dan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Matthews, B. (2000). *Co-Curricular Philosophy*. Bunbury: Bunbury Cathedral Grammar School.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Kursus Umum dan Ko-kurikulum (2012). *UTM dan Khidmat Komuniti*. Johor Bahru : Penerbit UTM Press
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002). *Kepentingan Kokurikulum dalam Sistem Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Syarifah Meriam Syed Akil (2007). *Cabaran Kepimpinan Kokurikulum*. Universiti Industri Selangor.